

18/06/2001

Tengku Razaleigh nafi khabar angin

KOTA BHARU, Ahad - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, hari ini menolak khabar angin mengatakan beliau akan dilantik Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin yang meletakkan jawatan itu 1 Jun lalu.

Katanya, beliau tidak fikir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melantik beliau memegang jawatan itu, memandangkan ada pemimpin lain lebih layak dan sesuai.

"Tak ada...tak akan (pelantikan) berlaku kepada saya. Mengapa saya...ada orang lain yang lebih cocok, lebih sesuai," katanya selepas menyampaikan ceramah Majlis Tindakan Rakyat Kelantan: Pas lawan Raja di sini, petang semalam.

Beliau diminta mengulas khabar angin berhubung namanya disebut-sebut untuk dilantik Menteri Kewangan, berikutan Daim melepaskan jawatan itu.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno Bahagian Gua Musang, turut menafikan kehadiran Dr Mahathir merasmikan Mesyuarat Umno Bahagian Gua Musang, pada April lalu menguatkan lagi khabar angin itu.

Ditanya mengenai kemungkinan spekulasi itu menjadi kenyataan, Tengku Razaleigh berkata: "Spekulasi tinggal spekulasi."

Kepada satu soalan, katanya, beliau tidak dapat membuat andaian berhubung pelantikan itu kerana ia adalah hak Perdana Menteri.

(END)